

## Pendekatan Normatif dalam Perbandingan Agama: Suatu Analisis Terhadap al-Quran

### *Normative Approach in Comparative Religion: An Analysis of the Quran*

MOHD FAIZAL ABDUL KHIR

Department of Usuluddin, Faculty of Islamic Studies,  
Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan,  
33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia  
[drfaizal@kuisas.edu.my](mailto:drfaizal@kuisas.edu.my)

Published online: 15 April 2017

To cite this article: Mohd Faizal, A. K. 2017. Pendekatan normatif dalam perbandingan agama: suatu analisis terhadap al-Quran. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 24(1): 81–98, <https://doi.org/10.21315/kajh2017.24.1.4>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/kajh2017.24.1.4>

**Abstrak.** Makalah ini mengkaji pendekatan normatif dalam perbandingan agama yang diaplikasikan dalam kitab suci al-Quran al-Karim. Makalah ini merupakan kajian konseptual berdasarkan metode induktif dan deduktif terhadap pernyataan-pernyataan al-Quran dan pandangan para sarjana. Bertitik tolak daripada definisi Metode Perbandingan Normatif, kajian ini menganalisis aplikasi metode ini dalam al-Quran. Dapatkan analisis menunjukkan bahawa Metode Perbandingan Normatif terhadap agama yang dikemukakan dalam al-Quran perlu dipecahkan kepada dua bahagian, iaitu Metode Perbandingan Normatif Berhemah dan Metode Perbandingan Normatif Ofensif. Dalam melakukan perbandingan, al-Quran tidak menggunakan Metode Perbandingan Normatif Ofensif, sebaliknya tertumpu kepada Metode Perbandingan Normatif Berhemah.

**Kata kunci dan frasa:** pendekatan normatif, perbandingan agama, al-Quran, metode perbandingan normatif berhemah

**Abstract.** This article examines the normative approach to comparative religion in the Quran. The current conceptual study applies both inductive and deductive methods in analysing statements in the Quran and views by scholars. Beginning with the definition of normative comparison method, the current discussion goes on to analyse its application in the Quran. The analysis suggests that the method of normative comparison of religion should be divided into two, namely the prudential normative comparison method and the offensive normative comparison method. Also importantly, the current study found that the Quran restrains from applying the offensive normative comparison method and focuses instead on the prudential normative comparison method.

**Keywords and phrases:** normative approach, comparative religion, the Quran, prudential normative comparison method

## Pendahuluan

Dalam tradisi Islam, perbahasan dan perbincangan tentang agama dan ideologi telah dibincangkan dalam kitab suci al-Quran (Ruslani 2000). Ia bersesuaian dengan kedudukannya sebagai sebuah kitab pedoman dakwah kepada manusia keseluruhannya (Abd. Wahid 2011). Al-A'zami (2003) menjelaskan bahawa hampir satu pertiga daripada isi al-Quran membahaskan tentang kepercayaan dan agama yang melingkari umat manusia. Al-Quran banyak menjelaskan tentang agama Yahudi dan Kristian yang merupakan dua agama besar dalam persekitaran permulaan Islam sepetimana yang dibahaskan dalam surah al-Baqarah 2: 113, surah al-Ma'idah 5: 51, 64, surah al-Tawbah 9: 30 dan surah Ali-'Imran 3: 67. Bukan sekadar itu, al-Quran turut menyanggah kepercayaan orang Arab Jahiliyyah yang menyembah berhala sepetimana dinyatakan dalam surah al-Ma'idah 5: 3, surah al-An'am 6: 74, 108 dan surah al-Najm 53: 19. Di samping itu, golongan yang tidak mempercayai Hari Pembalasan turut menjadi sasaran sanggahan al-Quran seperti dalam surah al-Jathiyah 45: 24. Justeru, Weibreicht, seorang sarjana Barat, mengemukakan pandangan bahawa al-Quran diiktibarkan sebagai sebuah kitab yang amat menekankan aspek perbandingan agama (Muhammad Azizan 2009). Perbandingan yang dilakukan al-Quran dilihat tersusun berdasarkan metodologi tertentu. Sehubungan itu, makalah ini akan meneliti satu aspek perbandingan yang penting, iaitu Metode Perbandingan Normatif yang dikemukakan dalam al-Quran.

## Definisi Metode Perbandingan Normatif

Metode Perbandingan Normatif yang dimaksudkan di sini ialah metode yang diguna pakai dalam ilmu perbandingan agama. Normatif daripada sudut bahasa bermaksud preskriptif (*Kamus Dewan* 2007). Sebahagian pengkaji menyamakannya dengan kritikan. Namun begitu, daripada sudut penggunaan bahasa, normatif membawa maksud yang lebih lembut berbanding terma kritikan. Kedua-duanya mempunyai persamaan daripada sudut pengemukaan hujah kepada agama-agama yang bertentangan dan bukan sekadar memberikan keterangan atau gambaran terhadap sesuatu agama.

Metode Perbandingan Normatif merupakan metode yang bertentangan dengan Metode Perbandingan Deskriptif. Perbezaan yang jelas antara kedua-dua metode ini adalah daripada aspek penghujahan yang mendasari Metode Perbandingan Normatif dan ditinggalkan dalam Metode Perbandingan Deskriptif (Mohd Faizal 2012). Alwi Shihab (1999) mendefinisikan Metode Perbandingan Normatif sebagai: "upaya untuk menjelaskan sebuah agama dengan menitikberatkan kebenaran doktrinal, keunggulan sistem nilai, otentisitas teks serta fleksibilitas ajarannya sepanjang masa." Metode ini menekankan aspek pembentangan hujah yang mana hujah tersebut merupakan suatu yang positif dalam mendokong

kebenaran ajaran sesuatu agama di samping memperlihatkan aspek negatif atau kekurangan dalam agama lain yang sekali gus menolak ajaran agama tersebut. Sehubungan itu, dapat disimpulkan bahawa Metode Perbandingan Normatif merupakan metode perbandingan yang berbentuk penghujahan terhadap agama lain. Sebahagian sarjana memperincikan kefahaman terhadap metode ini dengan meletakkan klasifikasi tertentu. Charles J. Adam dalam *Islamic Religion Tradition* mengklasifikasikan metode normatif kepada tiga, iaitu pendekatan misionaris tradisional, pendekatan apologetik dan pendekatan irenik (Muhammad Latif 2007).

### Aplikasi Metode Perbandingan Normatif dalam al-Quran

Aplikasi Metode Perbandingan Normatif bagi agama dalam al-Quran dapat dijelaskan seperti berikut:

#### 1. Penghujahan dengan berhemah

Secara prinsipnya, al-Quran (6: 149) menetapkan bahawa penghujahan itu merupakan suatu yang terpuji: "Katakan bagi Allah hujah yang tertinggi. Sekiranya Dia mahu nescaya Dia memberi hidayah kepada kamu semua". Al-Baydawi (1998) menyatakan bahawa ayat tersebut menjelaskan bagaimana Allah SWT menyediakan hujah yang teguh atas setiap dakwaannya. Justeru, para Rasul telah berdebat dan berhujah dengan kaum mereka. Nabi Muhammad SAW juga diarahkan untuk berhujah dengan golongan bukan Islam. Penghujahan yang dilakukan juga merupakan kesinambungan daripada penghujahan yang dikemukakan oleh agama lain ke atas agama Islam (al-Quran 3: 20). Wajar diperakui sama ada secara langsung atau tidak langsung, pada setiap agama terdapat elemen 'apologi' bagi mempertahankan agamanya di samping menyampaikan agamanya kepada orang lain (H.A. Mukti Ali 1999; H. Dadang Kahmad 2000). Ia sebagai kesinambungan terhadap keyakinan penganutnya bahawa agama anutannya merupakan agama yang benar, terbaik dan tersempurna berbanding agama lain (Alwi Shihab 1999).

Di samping itu, al-Quran juga menganjurkan hubungan antara manusia berlangsung dengan baik dan penuh kebijaksanaan. Al-Buti (2003) menjelaskan pengertian dan kefahaman hikmah seperti berikut:

Maknanya, apabila telah berubah keadaan dan telah terpaht kukuh halangan-halangan dan kekerasan-kekerasan yang tidak membuka ruang lagi untuk dakwah maka hikmahnya ketika itu adalah dengan mempersiapkan persediaan untuk berjihad dan berkurban dengan nyawa dan harta. Sesungguhnya hikmah itu meletakkan sesuatu pada tempatnya.

Dapat difahami bahawa sekalipun hikmah itu turut merujuk kepada penggunaan elemen ketegasan dan kekerasan pada tahapnya yang tertentu, namun elemen kelembutan dan berhemah itu mendahului elemen kekerasan. Justeru, penghujahan perlu dilakukan dengan berhemah. Berhemah bermaksud mempamerkan kelakuan yang sopan, lembut, lunak dengan cara yang halus dan membujuk. Sekalipun dalam keadaan berdebat, al-Quran (16: 125) tetap menganjurkan nilai berhemah dengan memastikan perdebatan tersebut dijalankan dengan cara yang terbaik. Sehubungan itu, aktiviti perbandingan yang dilakukan wajar dijadikan sebagai wadah atau medium bagi mempercambahkan keharmonian dan toleransi antara agama dan bukan sebaliknya. Dengan demikian, agama Islam dilihat sebagai sebuah agama yang menekankan konsep rahmat dalam kerangka asas ajarannya sebagai landasan utama ke arah toleransi beragama (Khadijah 2008).

Secara khusus, al-Quran memberikan penekanan terhadap agama Ahli Kitab yang mana perdebatan dan penghujahan dengan pengikutnya dilaksanakan dengan cara yang terbaik (al-Quran 29: 46). Begitu juga al-Quran melarang cercaan yang dilakukan terhadap Tuhan golongan orang yang tidak beriman (al-Quran 6: 108). Ayat ini diturunkan kerana sebahagian orang Islam bertindak mencerca Tuhan golongan kuffar yang sekali gus membangkitkan tindak balas mereka dengan mencerca Allah SWT. Justeru, al-Quran melarang orang Islam mencerca sembahana agama lain. Kesimpulan daripada ayat ini ialah ketaatan yang berkemungkinan besar akan membawa kepada kemaksiatan perlu ditinggalkan. Begitu juga disimpulkan satu kaedah yang cukup penting, iaitu "sesuatu yang membawa kepada keburukan adalah keburukan" (al-Baydawi 1998). Kaedah ini amat penting dalam menjaga adab hubungan dengan golongan bukan Islam. Sehubungan itu, bagi memastikan hubungan yang baik antara penganut agama, Islam menganjurkan agar penganutnya bersifat pemaaf apabila berdepan dengan kelakuan-kelakuan yang tidak menyenangkan daripada penganut agama lain (al-Quran 2: 109).

Pun begitu, tidak dinafikan bahawa al-Quran turut menggunakan gaya bahasa dan perkataan yang tegas pada beberapa tempat ketika membicarakan tentang agama lain dan juga penganutnya. Beberapa contoh dapat diketengahkan, antaranya ialah kutukan Tuhan terhadap Abu Lahab (al-Quran 111: 1) dan lakinat yang dikemukakan oleh al-Quran terhadap beberapa golongan manusia (al-Quran 3: 87). Ayat ini menerangkan bagaimana orang yang telah menerima hakikat kebenaran Islam, kemudiannya memilih agama lain, maka mereka itu dilakinat. Dalam ayat lain, Allah SWT menggunakan perkataan *wayl* yang bermaksud 'celaka' (al-Quran 2: 79).

Namun begitu, penggunaan bahasa yang tegas ini dilihat sudah keluar daripada ruang lingkup perbandingan dan penghujahan. Ia digunakan dalam konteks permusuhan yang jelas sudah tidak mempunyai ruang dialog. Sebagai contoh, Nabi Ibrahim AS telah berhujah dengan ayahandanya menggunakan gaya bahasa yang cukup lunak pada permulaannya. Nabi Ibrahim AS membandingkan Tuhan yang hakiki dan patung sembahannya dengan hujah yang amat lembut (al-Quran 19: 42). Akan tetapi apabila dialog dengan kaum Nabi Ibrahim AS telah keluar daripada ruang lingkup perbandingan dan penghujahan, maka Nabi Ibrahim AS menggunakan gaya bahasa yang tegas sepertimana yang direkodkan dalam al-Quran (21: 67). Lebih daripada itu, Nabi Ibrahim AS turut menggunakan elemen ketegasan yang diterjemahkan dengan perbuatannya apabila ruang dialog tersebut telah tertutup dengan memusnahkan patung sembahannya orang kafir (al-Quran 21: 58).

Justeru, wajar ditegaskan bahawa al-Quran dalam melakukan perbandingan normatif menggunakan Metode Perbandingan Normatif menolak bentuk-bentuk ketegasan dan kekerasan serta nilai-nilai yang bertentangan dengan norma ketatasusilaan. Namun begitu, ketegasan dan kekerasan yang digunakan telah dipraktikkan dalam ruang lingkup yang telah terkeluar daripada lingkungan perbandingan. Walau apa pun, aspek penghujahan merupakan aspek utama yang dikemukakan oleh al-Quran dalam perbahasannya terhadap agama-agama lain.

## 2. Tumpuan terhadap kepercayaan

Al-Quran dalam membahaskan aspek-aspek keagamaan memberikan tumpuan terhadap elemen-elemen teologi atau kepercayaan. Kritikan al-Quran juga tertumpu kepada aspek-aspek teologi. Kritikan teologi bermaksud kritikan yang dikemukakan secara langsung terhadap kepercayaan sesuatu agama (Ghulam 2004). Sebagai contoh, al-Quran amat menekankan konsep keesaan Allah SWT berasaskan penekanan yang dikemukakan dalam perbahasan-perbahasannya (Abd al-Baqi 1997; Ezzati 2002). Justeru, al-Quran berhujah dengan agama-agama lain bagi membuktikan keesaan Allah SWT dengan pelbagai bentuk penghujahan (al-Quran 35: 91, 25: 3).

Al-Quran telah membicarakan tentang agama-agama yang berada dalam persekitaran ketika wahyu diturunkan. Dalam surah al-Hajj (22: 17), al-Quran menyatakan terdapat lima agama lain yang berada dalam persekitaran ketika dakwah Islam disebarluaskan, iaitu Yahudi, Sabiah, Nasrani, Majusi dan kepercayaan Mushrikin Mekah (al-A'zami, 2003). Kepercayaan

golongan Mushrikin yang berada di Mekah merupakan kepercayaan agama yang diberikan tumpuan dalam perbahasan al-Quran. Hal ini kerana al-Quran ditujukan secara langsung kepada golongan Mushrikin tersebut. Justeru, al-Quran banyak menyebut tentang kepercayaan-kepercayaan golongan ini. Golongan lain yang turut mempunyai kepercayaan sepertimana golongan Mushrikin Mekah turut dinyatakan dalam al-Quran seperti kepercayaan kaum Nabi Ilyas AS (al-Quran 37: 123–125). Di samping itu, al-Quran turut membicarakan tentang kepercayaan masyarakat terdahulu yang telah tersimpan dalam lipatan sejarah, antaranya ialah golongan yang menyembah matahari (al-Quran 27: 24).

Walaupun pelbagai agama yang disentuh oleh al-Quran, namun tumpuan utamanya adalah dalam permasalahan kepercayaan. Secara khususnya, terdapat dua aspek teologi yang diberikan tumpuan oleh Islam, iaitu penafian terhadap kepelbagaian bagi Tuhan dan penafian terhadap kekuasaan selain Tuhan (Ezzati 2002). Sehubungan itu, aspek-aspek yang tidak berkaitan dengan teologi seperti syariat tidak diberikan penekanan daripada sudut perbandingan dan penghujahan. Perbahasan tentang aspek syariat dilakukan secara mendatar tanpa sebarang penghujahan sepertimana keterangan terhadap keharusan menikahi perempuan Ahli Kitab dan keharusan memakan sembelihan Ahli Kitab (al-Quran 5: 5). Ia merupakan keterangan kepada umat Islam tentang hukum-hakam yang berkaitan.

### 3. Kepelbagaian penghujahan

Al-Quran telah mengemukakan pelbagai bentuk hujah dalam melakukan perbandingan normatif terhadap agama-agama yang menjadi tumpuan. Kepelbagaian bentuk hujah ini didatangkan bagi pelbagai tujuan yang mana tujuan asasnya adalah bagi memastikan penghujahan tersebut mampu memperlihatkan kebenaran Islam dan kebatilan dalam agama lain. Aplikasi penghujahan yang digunakan al-Quran dapat dinyatakan seperti berikut:

#### (i) Penghujahan empirikal

Penghujahan empirikal bermaksud kaedah yang berdasarkan pengalaman dan penelitian atau pemerhatian sebenar (bukan teori) (Ghulam 2004). Kritikan ini memerlukan kemampuan penaakulan dan pemerhatian tajam untuk melakukan penilaian terhadap data-data yang terkandung dalam pemikiran, agama dan ideologi yang dikaji. Ia perlu digabungkan dengan pengetahuan lain yang bersifat empirikal dan eksperimental seperti fakta-fakta matematik, fizik, alam

semula jadi dan geografi. Sememangnya pembuktian empirikal juga boleh digunakan bagi membuktikan kebenaran sesuatu asas teologi. Hodgson (2005) menjelaskan:

What we can do, however, is first to ensure consistency and then to test our ideas against experience. In physics this can often be done experimentally to high accuracy, and this makes physics a relatively easy subject. Theology beliefs can also be tested by seeing if we can live our lives in accord with them; this takes rather longer but is no less certain.

Al-Quran merekodkan penghujahan empirikal dalam perdebatan yang berlaku antara Nabi Ibrahim AS dengan kaum baginda pada beberapa tempat dalam al-Quran. Ia menyokong penghujahan Nabi Ibrahim AS ke atas ayahandanya yang menyembah patung (al-Quran 19: 42). Daripada sudut empirikal, sesuatu yang tidak mendengar, tidak melihat dan tidak dapat memberikan manfaat adalah sesuatu yang lemah. Kenyataan ini sewajarnya diterima oleh semua yang berakal (al-Baydawi 1998). Sehubungan itu, menyembah sesuatu yang bersifat dengan sifat-sifat seperti itu adalah bertentangan dengan hakikat dan realiti daripada sudut empirikal. Patung-patung yang disembah oleh ayah Nabi Ibrahim AS dilihat secara empirikal sebagai sesuatu yang lemah. Lantas ia menjadi hujah kepada Nabi Ibrahim AS untuk menolak agama pegangan ayahandanya.

Penghujahan yang sama digunakan oleh Nabi Ibrahim AS ketika mengemukakan hujah ke atas agama anutan kaum baginda (al-Quran 26: 72–73). Nabi Ibrahim AS cuba membuka ufuk pemikiran golongan kafir agar dapat membuat perkiraan yang matang dan bersesuaian dengan bukti-bukti empirikal dengan mengemukakan persoalan kepada mereka (al-Quran 21: 63). Nabi Ibrahim AS menggunakan *uslub ta'ridi* (gaya bahasa menyindir) dengan harapan kaumnya akan dapat berfikir secara waras (al-Baydawi 1998).

Apalah yang dapat diharapkan daripada patung yang tidak mampu untuk mempertahankan dirinya walaupun dengan sepatah perkataan. Bagi memperlihatkan kepada kaum baginda, Nabi Ibrahim AS telah memusnahkan keseluruhan patung yang menjadi sembahannya kaumnya melainkan satu sahaja. Dalam perdebatan dengan kaum baginda kemudiannya, Nabi Ibrahim AS menyatakan bahawa yang memusnahkan patung-patung sembahannya mereka ialah patung yang satu tersebut. Kata-kata Nabi Ibrahim AS sudah pasti tidak dapat

diterima kerana secara empirikalnya patung-patung itu tidak dapat melakukan sesuatu apa pun. Klimaks kepada penghujahan, Nabi Ibrahim AS mempersoalkan kelakuan mereka yang menyembah patung-patung tersebut dalam keadaan mereka sedar bahawa ia tidak mampu mendatangkan kebaikan atau kemudaratannya. Justeru, menyembah benda-benda yang seperti itu jelas bertentangan dengan pemerhatian yang dilihat dalam kehidupan harian. Sesuatu yang dianggap mempunyai kekuasaan sehingga dianggap menjadi Tuhan sembah, sewajarnya mampu untuk mempertahankan dirinya sendiri. Penghujahan seperti ini dijelaskan lagi dalam ayat yang lain (al-Quran 37: 91–95).

Begitu juga, Nabi Ibrahim AS telah berhujah dengan kaumnya yang menyembah planet dan bintang (al-Quran 6: 75–80). Penghujahan yang dikemukakan oleh Nabi Ibrahim AS adalah berdasarkan hujah empirikal yang dapat disaksikan oleh mereka yang berfikir bahawa planet dan bintang itu merupakan jirim yang berubah-ubah (al-Alusi n.d.). Ia merupakan sifat dan karakter yang lemah yang tidak wajar ada bagi Tuhan yang disembah (al-Amidi n.d.; al-Shahrastani 1934).

Sememangnya agama Islam secara keseluruhannya merupakan agama yang selari dengan bukti-bukti empirikal yang pasti. Tidak ada sama sekali pertembungan antara al-Quran dengan kajian-kajian berbentuk empirikal yang telah mapan kebenarannya. Sehubungan itu, apabila al-Quran menggunakan hujah ini, ia membandingkan kebenaran Islam dengan agama lain berdasarkan keserasian agama tersebut dengan hakikat-hakikat daripada kajian empirikal (al-Qasimi 1978).

## (ii) Penghujahan tekstual

Penghujahan tekstual merupakan kritikan yang dikemukakan terhadap nas-nas dalam sesuatu agama, terutama kitab suci pegangan agama tersebut (Ghulam 2004). Ia meletakkan penghujahan ke atas agama lain berdasarkan perubahan yang berlaku ke atas teks suci sesuatu agama. Perubahan yang dilakukan telah menyebabkan percanggahan<sup>1</sup> yang terdapat dalam teks-teks suci agama tersebut yang membuktikan agama tersebut bukan merupakan agama yang benar keseluruhannya. Justeru, al-Quran mengemukakan hujah dengan membandingkan keunggulan tekstualiti yang tidak ada percanggahan dan pertembungan antara ayatnya dengan teks suci dalam agama lain yang penuh dengan percanggahan dan pertembungan. Sebagai contoh, al-Quran telah

mengkritik kitab pegangan Ahli Kitab dengan menyatakan bahawa mereka telah mengubah dan memberikan pengertian yang salah terhadap kitab suci mereka (al-Quran 4: 46):

Di antara orang-orang Yahudi ada yang mengubah (atau menukar ganti) Kalamullah (isi kitab Taurat), dari tempat dan maksudnya yang sebenar, dan berkata (kepada Nabi Muhammad): "Kami dengar" (sedang mereka berkata dalam hati): "Kami tidak akan menurut". (Mereka juga berkata): "Tolonglah dengar, tuan tidak diperdengarkan sesuatu yang buruk", serta (Mereka mengatakan): "Ra'ina"; (Tujuan kata-kata mereka yang tersebut) hanya memutarbelitkan perkataan mereka dan mencela ugama Islam. Kalau lahir mereka berkata: "Kami dengar dan kami taat, dan dengarlah serta berilah perhatian kepada kami", tentulah yang demikian itu lebih baik bagi mereka dan lebih betul. Akan tetapi Allah melaknat mereka dengan sebab kekufuran mereka. Oleh itu, mereka tidak beriman kecuali sedikit sahaja (di antara mereka).

Ayat ini menjelaskan bagaimana Allah SWT menempelak golongan Yahudi yang telah mengubah kandungan kitab Taurat. Ibn Hazm (1996), al-Razi (n.d.) dan al-Zamakhshari (1998) menyatakan pelbagai bentuk perubahan yang telah dilakukan. Perubahan-perubahan yang telah dilakukan dari semasa ke semasa menjadikan kenyataan-kenyataannya berbeza dan bertembung antara satu sama lain. Versi-versi yang pelbagai bagi Taurat merupakan bukti kukuh terhadap perubahan yang berlaku (Mohd Faizal 2011). Danial Zainal Abidin (2003) dan Rahmah Allah (1994) telah memperlihatkan banyak percanggahan fakta (*tanaqud*) dalam kitab Injil. Ia sekali gus membuktikan penyelewengan yang wujud dalam kitab tersebut (Coogan 2006). Sebaliknya, al-Quran menyatakan kekuatan yang ada padanya adalah kerana keserasian yang ada pada keseluruhan ayat-ayatnya (al-Quran 4: 82).

Dapat dirumuskan bahawa salah satu bentuk penghujahan kukuh al-Quran ke atas agama lain ialah penghujahan ke atas perubahan yang berlaku pada teks suci agama-agama yang dibahaskan. Ia menjadi sebahagian daripada hujah yang sukar disangkal dengan pembuktian-pembuktian yang dilakukan oleh para sarjana terhadap perubahan tekstual yang sememangnya wujud dalam dua agama yang diberikan tumpuan oleh al-Quran, iaitu Yahudi dan Kristian.

### (iii) Penghujahan sejarah

Penghujahan sejarah bermaksud penggunaan aspek-aspek peristiwa yang telah berlalu bagi membuktikan kebenaran sesuatu ajaran di samping menolak ajaran lain (Ghulam 2004). Al-Quran berhujah dengan golongan Yahudi dan Kristian menggunakan hujah sejarah dalam menolak dakwaan mereka terhadap Nabi Ibrahim AS (al-Quran 3: 65–66). Al-Baydawi (1998) menjelaskan bahawa Nabi Ibrahim AS telah mendahului Nabi Musa AS dan Nabi 'Isa AS. Justeru, bagaimakah golongan Yahudi dan Kristian mendakwa bahawa Nabi Ibrahim AS merupakan sebahagian daripada mereka? Al-Zujjaj turut menyatakan: "Ayat ini adalah hujah yang paling terang ke atas Yahudi dan Nasrani bahawa Taurat dan Injil turun selepas beliau (Ibrahim)" (al-Shawkani n.d.).

Muhammad Rashid (1999) menegakkan hujah ini dengan mengemukakan kaedah akal yang menyatakan bahawa sesuatu yang mendahului sesuatu yang lain adalah mustahil menjadi ikutan baginya (sesuatu yang terkemudian). Begitu juga keadaannya dengan Nabi Ibrahim AS yang datang terdahulu daripada kewujudan orang Yahudi dan Kristian. Oleh itu, adalah mustahil Nabi Ibrahim AS dikatakan sebagai seorang Yahudi atau seorang Kristian. Sehubungan itu, al-Quran menolak dakwaan orang Yahudi dan Kristian berdasarkan fakta sejarah bahwasanya Nabi Ibrahim AS itu datang terlebih dahulu daripada mereka semua. Oleh itu, tidak wajar bagi mereka mendakwa apa-apa berkaitan Nabi Ibrahim AS.

Dilihat dengan lebih luas lagi, al-Quran mengemukakan hujah-hujah sejarah yang memperlihatkan bagaimana kaum-kaum yang menentang dakwah para Rasul telah dihukum oleh Allah SWT dengan pelbagai bentuk seksaan. Bukti-bukti tinggalan sejarah ini menjadi hujah kepada kebenaran Islam sepertimana tinggalan Firaun (al-Quran 10: 92), kaum 'Ad (al-Quran 7: 74–79), kaum Lut (al-Quran 7: 80–84) dan lain-lain.

Dapat dirumuskan bahawa al-Quran telah mengoptimumkan penggunaan fakta-fakta dan tinggalan-tinggalan sejarah bagi membuktikan kebenaran dan menegakkan hujahnya. Fakta dan tinggalan sejarah itu merupakan sesuatu yang boleh ditentusahkan dari semasa ke semasa.

(iv) Penghujahan kontradiksi pemikiran

Penghujahan kontradiksi pemikiran bermaksud pembuktian kebatilan terhadap sesuatu agama berdasarkan pertembungan antara konsep atau maklumat dalam ajarannya sendiri. Pertembungan yang wujud membuktikan kelemahan dan seterusnya kebatilan bagi sesuatu ajaran.

Al-Quran menolak kefahaman dalam agama Yahudi yang mempercayai kelebihan bangsa Yahudi berbanding bangsa-bangsa yang lain. Orang Yahudi dan Krisitian menganggap mereka adalah anak Tuhan dengan pengertiannya yang menunjukkan kasih sayang Tuhan kepada mereka sepetimana yang terdapat dalam Matthew 5: 9 dan 5: 45, Psalm 89: 27, Exodus 4: 22–23 dan Jeremiah 31: 9. Lantas al-Quran berhujah dengan memperlihatkan hakikat diri mereka yang diazab oleh Tuhan. Hakikat itu bertentangan dengan dakwaan mereka bahawa mereka dikasihi oleh Tuhan kerana sekiranya mereka dikasihi oleh Tuhan, nescaya mereka tidak diazab oleh Tuhan (al-Quran 5: 18).

Al-Baydawi (1998) dan al-Maraghi (1998) menyatakan bahawa orang Yahudi dan Kristian telah diazab oleh Allah SWT dengan pelbagai bentuk azab di muka bumi dan orang Yahudi sendiri mengakui bahawa mereka akan diazab beberapa hari pada Hari Kiamat. Al-Quran dalam surah al-Isra' (17: 5) telah merekodkan beberapa bentuk azab yang diturunkan ke atas golongan Yahudi, antaranya adalah serangan ke atas mereka oleh raja-raja pada zaman terdahulu dan merubah bentuk mereka kepada bentuk babi dan kera (al-Quran 5: 60). Azab-azab yang diturunkan ini secara tidak langsung menafikan dakwaan mereka sebelum ini. Al-Qurtubi (n.d.) menyatakan bahawa penghujahan seperti ini dinamakan sebagai *burhan al-khalaf*.

(v) Penghujahan berdasarkan andaian

Penghujahan berdasarkan andaian bermaksud pembuktian kebatilan ajaran sesuatu agama dengan meletakkan kemungkinan berlakunya sesuatu perkara yang bertentangan dengan ajaran tersebut. Al-Quran meletakkan tanggapan tertentu dan menjadikannya sebagai hujah kepada agama lain. Dalam menolak ketuhanan Nabi 'Isa AS dalam kepercayaan Kristian, al-Quran meletakkan andaian bahawa Nabi 'Isa AS sendiri tidak akan teragak-agak mengaku sebagai hamba Allah. Justeru, mengapakah manusia lain enggan memperakui ketuhanan

Allah SWT (al-Quran 4: 172)? Hujah yang digunakan ini juga dikaitkan dengan sumber asal agama Kristian yang menunjukkan tidak ada pernyataan yang menafikan kemanusiaan Nabi 'Isa AS sekali pun umat Kristian menganggapnya sebagai Tuhan.

Dalam ayat yang lain, al-Quran membuat suatu andaian bahawa Allah SWT akan mematikan Nabi 'Isa AS dan bonda baginda. Justeru, al-Quran menimbulkan persoalan siapakah yang akan dapat mempertahankan Nabi 'Isa AS kerana sesuatu yang boleh musnah sudah pasti bukan Tuhan (al-Baydawi 1998). Secara tersirat, al-Quran berhujah dengan memperlihatkan bahawa kekuasaan mutlak hanya pada keesaan Allah SWT semata-mata (al-Quran 5: 17).

Dalam menyanggah pandangan penyembah berhala, al-Quran meletakkan andaian bahawa berhala-berhala itu nanti akan dibakar dalam api neraka (al-Quran 21: 98–99). Sekiranya berhala orang Mushrikin itu ialah Tuhan, nescaya ia tidak akan masuk ke dalam neraka (Ibn 'Adil 1998).

#### (vi) Penghujahan dengan soalan

Penghujahan dengan soalan bermaksud penolakan terhadap sesuatu ajaran dalam sesebuah agama dengan mengemukakan pertanyaan yang menghasilkan jawapan yang bertentangan dengan ajaran tersebut. Justeru, al-Quran mengemukakan hujahnya dalam bentuk soalan yang ditujukan kepada penganut agama lain bagi membuka minda mereka untuk berfikir secara logik dan mendalam.

Apabila golongan kafir Quraysh menisbahkan anak perempuan kepada Allah SWT dan anak lelaki kepada diri mereka sendiri, maka al-Quran mengemukakan soalan kepada mereka: bagaimanakah mereka melakukan pemilihan tersebut yang kesudahannya memberikan kepada Tuhan apa yang mereka tidak sukai (al-Quran 52: 39)? Ibn 'Ashur (n.d.) menjelaskan bahawa pada asalnya hujah pengingkaran itu bersandarkan kepada asas kemustahilan Tuhan itu mempunyai anak. Namun begitu, apabila golongan kuffar ketika itu tidak dapat menerima hakikat tersebut, maka al-Quran mempertautkan hujah mereka dengan hujah *iqna'i* yang mempersoalkan keyakinan mereka yang meletakkan keistimewaan bagi mereka (anak lelaki) dan memberikan sesuatu yang mereka tidak suka (anak perempuan) kepada Tuhan. Hamka (2003) ketika menjelaskan penghujahan ayat

ini menyatakan: "Bagaimana kamu sekalian berfikir? Mengapa kalian mengatakan Allah beranak, sedang anaknya ialah perempuan, sedang kamu sendiri memandang hina rendah orang yang beranak perempuan, sehingga jika kamu dapat anak perempuan kamu merasa malu."

Begitu juga, apabila orang kafir Quraysh menyatakan bahawa malaikat itu adalah perempuan, maka al-Quran mengemukakan hujahnya dengan bertanya tentang penyaksian mereka terhadap penciptaan malaikat tersebut (al-Quran 43: 19). Pertanyaan yang dikemukakan itu sebenarnya mempersoalkan kerelevanannya dakwaan mereka ke atas para malaikat.

Persoalan-persoalan yang dikemukakan sememangnya selari dengan metode umum al-Quran yang menggalakkan manusia berfikir dan ber-tadabbur bagi memperluaskan ufuk akal. Sememangnya al-Quran yang membawa agama yang benar tidak gentar berdepan dengan persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh golongan yang tidak beriman.

#### (vii) Penghujahan dengan cabaran

Penghujahan dengan cabaran bermaksud penolakan terhadap suatu ajaran dengan meminta penganutnya melakukan sesuatu. Sekiranya penganut tersebut enggan menerima cabaran tersebut, maka ia membuktikan kebatilan kepercayaan anutan itu.

Al-Quran berhujah dengan orang Yahudi berkenaan kepercayaan mereka bahawa syurga itu hanyalah untuk orang Yahudi. Sekiranya mereka benar-benar mempercayai hakikat itu, maka al-Quran mencabar mereka untuk mati kerana dengan demikian mereka akan mendapat nikmat yang tidak terhingga di dalam syurga tersebut (al-Quran 2: 94). Cabaran yang dikemukakan ini sudah pasti didahului dengan pengetahuan Ilahi bahawa golongan Yahudi tidak akan sama sekali berani mencari maut kerana mereka golongan yang amat takutkan mati.

Bagi membuktikan kebenaran al-Quran, ayat-ayat al-Quran mencabar mereka yang tidak mempercayainya bagi mendatangkan sesuatu yang setanding dengannya. Cabaran dilakukan secara urutan, daripada cabaran yang susah kepada cabaran yang lebih ringan. Al-Quran mencabar agar didatangkan secara umum sesuatu yang seperti

al-Quran (al-Quran 52: 34), diikuti dengan 10 surah (al-Quran 11: 13), kemudiannya cabaran dengan satu surah sahaja (al-Quran 10: 38). Cabaran-cabaran yang dikemukakan ini tidak dapat disahut oleh sesiapa pun sehingga ke hari ini. Ia sekali gus membuktikan kebenaran al-Quran.

Penghujahan seperti ini didasari pengetahuan pencabar bahawa orang yang dicabar tidak akan mampu melakukan cabaran tersebut. Allah SWT yang Maha Mengetahui sudah pasti mengetahui bahawa makhluk tidak akan dapat sama sekali mendatangkan sesuatu yang seperti al-Quran.

#### (viii) Penghujahan dengan permisalan

Penghujahan dengan permisalan bermaksud penolakan terhadap sesuatu ajaran dalam sesebuah agama dengan mengemukakan perumpamaan yang bertentangan dengan ajaran tersebut. Al-Quran mendatangkan permisalan yang mudah difahami oleh penganut agama yang berkenaan bagi membuka minda pemikiran mereka.

Bagi mengemukakan penghujahan kepada golongan Mushrikin yang mensyirikkan Tuhan, al-Quran memisalkan perkongsian kuasa antara diri manusia itu sendiri dengan hamba abdi milik mereka. Sudah pasti perkara ini tidak boleh diterima oleh orang Mushrikin sendiri. Allah SWT memisalkan bagaimana manusia sendiri enggan disekutukan dalam pemilikan hambanya dengan orang lain. Sekiranya itu adalah sifat manusia yang serba lemah, maka tidak wajar bagi manusia menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu yang lain kerana Allah SWT yang Maha Sempurna sudah tentu memiliki kekuasaan mutlak terhadap segala sesuatu dan sudah pasti Allah SWT tidak mempunyai sekutu bagi kekuasaan-Nya (al-Quran 30: 30).

## Kesimpulan

Dapatkan daripada makalah ini merupakan analisis berdasarkan metode induktif dan deduktif terhadap pernyataan-pernyataan al-Quran dan pandangan para sarjana. Kedua-dua metode ini diaplikasikan dan disinergikan dengan sebaik mungkin bagi mengemukakan dapatan konseptual yang jitu.

Dalam perbahasan-perbahasan yang telah dikemukakan, dapat dirumuskan bahawa al-Quran al-Karim telah menggunakan Metode Perbandingan Normatif dalam perbincangannya terhadap agama-agama lain dengan begitu meluas. Namun begitu, dalam melakukan kritikan dan penghujahan, al-Quran mempunyai dasar-dasar dan

ketetapan-ketetapan yang digunakan bagi memastikan kritikan dan penghujahan yang dilakukan adalah objektif. Ia berbeza dengan sesetengah analisis perbandingan normatif yang dilakukan oleh sesetengah pengkaji secara begitu ofensif sehingga menghilangkan nilai-nilai hikmah dalam perbincangan, penghujahan dan kritikan yang dikemukakan. Thalhas (2006) menyatakan bahawa penggunaan metode ini dikritik daripada beberapa sudut, antaranya seperti wujudnya penghujahan yang tidak adil dan tidak objektif. Alwi Shihab (1999) turut mengemukakan pandangan yang serupa: "Pendekatan ini dengan sendirinya akan menggunakan cara-cara yang bersifat persuasif apologetik dalam mempertahankan keunggulannya. Dalam membandingkan suatu agama dengan agama lain, penekanan unsur-unsur kelemahan dan kekurangan pihak lain selalu ditonjolkan."

Sehubungan itu, dapat disimpulkan bahawa Metode Perbandingan Normatif perlu dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Metode Perbandingan Normatif Berhemah dan Metode Perbandingan Normatif Ofensif. Berdasarkan perbahasan di atas juga dapat dirumuskan bahawa al-Quran dalam konteks normatif ini sentiasa menegakkan kebenarannya dengan hujah-hujah di samping menunjukkan sikap lunak terhadap penganut agama lain. Ia tidak selari dengan beberapa pembahagian dan pola dalam kecenderungan kepelbagaian keagamaan antaranya pola sinkrestisme, pola *reconception*, pola sintesis, pola pergantian dan pola *agree in disagreement* (Biyanto 2013). Walaupun pola pergantian dilihat menghampiri metode al-Quran, namun kewujudan unsur paksaan dalam pola tersebut ternyata berbeza dengan metode al-Quran yang sama sekali tidak memaksa agama Islam ke atas penganut agama lain.

Metode Perbandingan Normatif Berhemah bermaksud metode perbandingan yang mengemukakan penghujahan ke atas agama lain secara lunak selaras dengan adab-adab perdebatan. Namun begitu, metode ini juga sudah pasti menegaskan kebenaran yang berada pada pihak tertentu secara pastinya. Pada masa yang sama, hujah yang dikemukakan adalah berbentuk objektif. Metode Perbandingan Normatif Ofensif pula dapat diertikan sebagai penghujahan ke atas agama lain yang mengandungi elemen-elemen ketegasan.

Dalam melakukan perbandingan, al-Quran tidak menggunakan Metode Perbandingan Normatif Ofensif. Penggunaan metode ini dalam perbandingan jelas bertentangan dengan firman Tuhan yang mengarahkan Rasul-Nya untuk menyeru ke jalan Tuhan dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, di samping turut berbahas dengan mereka melalui cara yang terbaik (al-Quran 16: 125). Ia selari dengan ajaran asas Islam yang menggalakkan hubungan yang sihat dan membina antara orang Islam dengan bukan Islam dalam konteks perdamaian (al-Quran 60: 8–9).

Justeru, unsur-unsur ofensif yang digunakan dalam al-Quran sebenarnya telah terkeluar daripada ruang lingkup perbandingan walaupun ia masih mempunyai ciri-ciri perbandingan. Ia telah memasuki fasa lain dalam hubungan antara Islam dengan agama tersebut, iaitu fasa permusuhan yang sebenarnya cuba dihindari oleh al-Quran. Namun begitu, penghujahan ke atas agama lain masih tetap perlu dilakukan bagi memastikan kebenaran Islam ke atas kebatilan.

Sehubungan itu, disarankan agar Metode Perbandingan Normatif yang diaplikasikan dalam al-Quran dijadikan sebagai panduan kepada umat Islam keseluruhannya, khususnya bagi para sarjana yang berkecimpung dalam bidang perbandingan agama. Hal ini bagi memastikan perbandingan terhadap agama-agama yang dilakukan adalah selaras dengan tuntutan syarak.

### **Nota**

1. Dalam istilah ilmu mantik, percanggahan ini diistilahkan sebagai *al-tanaqud*, iaitu penisbahan suatu makna kepada makna lain yang mana tidak mungkin kedua-duanya terhimpun bersama dan tidak mungkin ketiadaan kedua-duanya bersama-sama pada sesuatu dan pada satu zaman. Berbeza dengan *tadad* yang bermaksud penisbahan suatu makna kepada makna lain yang mana tidak mungkin kedua-duanya terhimpun bersama tetapi mungkin ketiadaan kedua-duanya bersama-sama pada sesuatu dan pada satu zaman. Lihat al-Maydani (1998, 58).

### **Bibliografi**

- Abd al-Baqi, Muhammad Fu'ad. 1997. *Al-Mu'jam al-Mufahrис Li Alfaz al-Qur'an al-Karim*, c. 4. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abd. Wahid. 2011. Nilai-nilai universalitas da'wah dalam al-Qur'an. *ISLAMICA* 5(2): 383.
- Ahmad Mahmud Sulaiman. 2001. *Tuhan dan sains mengungkap berita-berita ilmiah al-Quran*. Jakarta: PT Serambi Ilmu Semesta.
- Al-Alusi. n.d. *Ruh al-Ma'ani*, al-Maktabah al-Shamilah 3.28.
- Al-Amidi, Sayf al-Din, 'Ali bin Muhammad. n.d. *Ghayat al-Maram fi 'Ilm al-Kalam*. n.p: n.pub.
- Alwi Shihab. 1999. *Islam inklusif menuju sikap terbuka dalam beragama*, c. 6. Bandung: Penerbit Mizan.
- Al-A'zami, Muhammad Diya' al-Rahman. 2003. *Dirasat fi al-Yahudiyyah wa al-Nasraniyyah wa Adyan al-Hind*, c. 2. Medina: Maktabah al-Rushd.
- Al-Baydawi, 'Abd Allah bin 'Umar. 1998. *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Buti. 2003. *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyyah*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Biyanto. 2013. Pengalaman Muhammadiyah membumikkan nilai-nilai pluralisme. *ISLAMICA* 7(2): 323–324.

- Coogan, M.D. 2006. *The Old Testament: A historical and literary introduction to the Hebrew Scriptures*. New York: Oxford University Press.
- Danial Zainal Abidin. 2003. *Bukti-bukti sains dan sejarah kerasulan Muhammad*. Kuala Lumpur: PTS Publications.
- Dowi Arek Anget. 2011. Telaah karya: Charles J. Adam, "Islamic Religion Tradition". <http://dowiarekbanget.blogspot.com/2011/06/telaah-karya-charles-j-adam-islamic.html> (accessed 3 March 2016).
- Ezzati, A. 2002. *The spread of Islam: The contributing factors*. London: Islamic College for Advance Study Press.
- Ghulam Haider Aasi. 2004. *Muslim understanding of other religions: A study of Ibn Hazm's kitab al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal*. New Delhi: Adam Publishers & Distributors.
- Hamka. 2003. *Tafsir al-Azhar*, c. 7. Singapore: Pustaka Nasional.
- Himayah, Mahmud 'Ali. 2001. *Ibnu Hazm: Biografi, karya dan kajiannya tentang agama-agama*, trans. Halid Alkaf. Jakarta: Lentera.
- Hodgson, P.E. 2005. *Theology and modern physics*. England: Ashgate.
- H. A. Mukti Ali. 1999. *Ilmu perbandingan agama di Indonesia*, c. 11. Bandung: Penerbit Mizan.
- H. Dadang Kahmad. 2000. *Sosiologi agama*. Bandung: Pt Remaja Rosdakarya.
- Ibn 'Adil al-Hanbali. 1998. *Al-Lubab fi 'Ulum al-Kitab*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn 'Ashur. n.d. *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*, al-Maktabah al-Shamilah 3.28.
- Ibn Hazm 'Ali bin Ahmad. 1996. *Al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal*. Muhammad Ibrahim (*tahqiq*). Beirut: Dar al-Jayl.
- Kamus Dewan Edisi ke-4. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hanbali and Muhammad Kamil Hj Abdul Majid. 2008. *Isu dan cabaran hubungan antara agama di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Al-Maraghi. 1998. *Tafsir al-Maraghi*. Lebanon: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Maydani, Abd al-Rahman. 1998. *Dawabit al-Ma'rifah*, c. 5. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Mohd Faizal Abdul Khir. 2012. Metode perbandingan deskriptif dalam perbandingan agama: Suatu analisis terhadap metode al-Quran. *International Journal on Quranic Research* 2(1): 132.
- . 2011. Konsep Ahli Kitab: Kajian perbandingan di antara Ibn Hazm dan al-Shahrastani. PhD diss., APIUM, University of Malaya.
- Muhammad Azizan Sabjan. 2009. *The people of the book and the people of a dubious book in Islamic religious tradition*. Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Latif Fauzi. 2007. Pendekatan normatif dan deskriptif dalam studi Islam (Telaah atas Karya Charles J. Adams), Center for Islamics Studies, Pusat Studi Islam 1–7. [http://cfis.uji.ac.id/index2.php?option=com\\_content&do\\_pdf=1&id=32](http://cfis.uji.ac.id/index2.php?option=com_content&do_pdf=1&id=32) (accessed 15 May 2016).
- Muhammad Rashid Rida. 1999. *Tafsir al-Qur'an al-Hakim*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyya.
- Osman Bakar and Azizah Hamzah. 1992. *Sains, teknologi, kesenian dan agama*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Al-Qasimi. 1978. *Mahasin al-Ta'wil*, c. 2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Quran al-Karim.
- Al-Qurtubi. n.d. *Tafsir al-Qurtubi*, al-Maktabah al-Shamilah 3.28.
- Al-Razi. n.d. *Tafsir al-Kabir*, al-Maktabah al-Shamilah 3.28.
- Rahmah Allah bin Khalil al-Rahman. 1994. Izhar al-Haqq. In *Izhar al-Haqq: Adaqq Dirasah Naqdiyyah fi Ithbat Wuqu' al-Tahrif wa al-Nasakh fi al-Tawrah wa al-Injil*, ed. Muhammad Ahmad Mulkawi. Cairo: Dar al-Hadith.
- Ruslani. 2000. *Masyarakat kitab dan dialog antara agama*. Yogjakarta: Yayasan Bentang Budaya.
- Al-Shahrastani. 1934. *Nihayah al-Iqdam Fi 'Ilm al-Kalam*. n.p.: n.pub.
- Al-Shawkani. n.d. *Fath al-Qadir*, al-Maktabah al-Shamilah 3.28.
- Thalhas, T.H. 2006. *Pengantar study ilmu perbandingan agama*. Jakarta: Galure Pase.
- The Holy Bible, King James version.
- Al-Zamakhshari, Mahmud bin 'Umar. 1998. *Al-Kashshaf 'An Wujuh al-Ta'wil wa 'Uyun al-Aqawil*. Riyadh: Maktabah 'Abikan.